



Headline: Macau Scam :Kita perlu peka

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Section: Forum

Date: 23 January 2021

Page: 34

Macau Scam: Kita perlu peka

SAUDARA PENGARANG,

MACAU Scam ialah sindiket yang didalangi warga tempatan dan asing yang cuba menipu mangsa dengan membuat panggilan palsu mendakwa mereka dari sesebuah institusi kewangan atau pihak berkuasa.

Pada 19 Disember lalu, rakyat digemparkan dengan satu kes warga emas mengalami kerugian hampir RM1.8 juta kerana terpedaya dengan sindiket itu. Sebenarnya terdapat pelbagai modus operandi yang digunakan untuk memperdaya mangsa.

Antaranya cabutan bertuah, *spoofing* atau menyamar sebagai anggota polis atau pegawai Bank Negara Malaysia dan menipu bahawa mereka melakukan penculikan sekali

gus meminta wang tebusan.

Akibat tekanan dan ugutan yang diberikan, mangsa dengan mudah menuruti kehendak penipu siber ini dengan memberikan segala maklumat diri yang sulit.

Pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengatasinya termasuk menyediakan platform semakan nombor telefon dan nombor akaun bank penipu di laman <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

Semakan juga boleh dilakukan dengan menghubungi talian Jabatan Siasatan Jenayah Komersial 013-2111222 dan melalui laman Facebook Cyber Crime Alert RMT.

ATHIRA FARAHYAH SAHARUDIN
Universiti Malaya